

Erti Sebuah Tapak Warisan: Cabaran Perundangan Untuk Frim Selangor Forest Park

(The Meaning of a Heritage Site: Legal Challenges for the Selangor Frim Forest Park)

RASYIKAH MD KHALID

SHAMSUDDIN SUHOR

ABSTRAK

FRIM yang merupakan sebuah pusat penyelidikan perhutanan telah melalui sejarah pembangunan yang menarik berdasarkan kepada peristiwa yang berlaku sejak dahulu hingga ke hari ini. Berbagai pencapaian yang telah digapai. Dari sebuah pusat penyelidikan kepada sebuah institut serta dalam masa yang sama menjadi pusat rekreasi, kini FRIM telah menjadi tapak warisan kebangsaan yang sedang menyusun langkah kanan ke arah meletakkan FRIM ke status tapak warisan dunia UNESCO. Dalam usaha mencapai matlamat tersebut, FRIM perlu berhati-hati dalam soal yang melibatkan perundangan jika mahu terus bergerak ke hadapan. Sehubungan dengan itu dua buah akta iaitu Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) dan Akta Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia 2016 (Akta 782) dibuka untuk renungan semua pihak berkepentingan dalam usaha membantu FRIM memahami erti kehidupannya kini sebagai sebuah tapak warisan kebangsaan merangkap sebuah pusat penyelidikan perhutanan yang berintegriti lagi berwibawa.

Kata kunci: FRIM, UNESCO, Akta 645, Akta 782

ABSTRACT

FRIM, a forestry research center, has gone through an interesting historical development based on the events that have taken place from ancient times to the present day. Various achievements have been achieved. From a research center to an institute as well as a recreation center, FRIM has now become a national heritage site that is making the right steps towards gaining a status as a UNESCO world heritage site. In order to achieve that goal, FRIM needs to be careful in matters involving its rights and duties if it wants to move forward. In this regard, two acts, namely the National Heritage Act 2005 (Act 645) and the Forest Research Institute of Malaysia Act 2016 (Act 782) are open for reflection by all stakeholders in an effort to help FRIM understand the meaning of its current status as a national heritage site and a forestry research center. who possesses its own authority and integrity.

Keywords: FRIM, UNESCO, Act 645, Act 782

PENGENALAN

FRIM merupakan sebuah kawasan berstatus Tapak Warisan Semula Jadi, dan ini bermakna jika keseluruhan kawasan FRIM yang terletak di Kepong itu adalah kawasan yang dikenali sebagai Tapak Warisan Semula Jadi maka keseluruhan kawasan tersebut adalah terikat dengan Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645).

Dalam pada itu berlaku perkembangan terhadap FRIM berdasarkan kepada mukadimah Akta Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia 2016 (Akta 782) yang baharu iaitu:

- i. untuk mengadakan peruntukan bagi

- kewujudan berterusan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia sebagai suatu pertubuhan perbadanan;
- ii. untuk menyatakan pentadbiran, fungsi dan kuasa Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia; dan
 - iii. untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang berkaitan atau bersampingan dengannya.

Statut FRIM yang baharu tetap mengekalkannya sebagai sebuah institusi penyelidikan secara berterusan dengan pengurusan yang tersendiri (Noor Syahida & Rasyidah, 2018). Ia juga adalah sebuah perbadanan. FRIM juga telah diwartakan sebagai sebuah Tapak Warisan Kebangsaan pada 23 Januari 2015 oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan menerusi Jabatan Warisan Negara (Warta P.U.(A)7 bertarikh 23 Januari 2015. Artikel ini bertujuan untuk melihat secara umum cabaran FRIM di bawah dua akta berkenaan.

FRIM SEBAGAI TAPAK WARISAN

Hal tentang warisan timbul ekoran daripada pembentangan Rang-Undang-Undang Warisan Kebangsaan 2005 pada 7 Disember 2005 oleh Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim (2005). Beliau menjelaskan bahawa:

Barang kita sedari bahawa sesebuah negara dan rakyatnya yang tidak prihatin terhadap warisannya, amat mudah didalangi sejarah dan pengaruh luaran. Pada masa yang sama, memperlekeh warisan sendiri adalah perbuatan menidakkan tamadun sendiri. Di atas kesedaran kebangsaan kita terhadap betapa pentingnya warisan tanah air ditadbir dan dipelihara, di

samping melakukan carian-carian baru inilah dikemukakan undang-undang setimpal baginya. Jika bukan kita sendiri yang menilai dan menghargai warisan sendiri, siapa lagi. Umumnya, Rang Undang-undang Warisan Kebangsaan 2005 ini adalah satu skop perundangan komprehensif yang merangkumi dua aspek yang luas iaitu warisan budaya atau (*cultural heritage*) dan warisan semula jadi atau (*natural heritage*). Warisan budaya pula dipecahkan kepada dua aspek yang besar iaitu warisan ketara (*tangible heritage*) dan warisan tidak ketara (*intangible heritage*). Sebagai tambahan kepada peruntukan berkenaan, warisan budaya bawah air atau *underwater cultural heritage* turut dimasukkan secara khusus dalam rang undang-undang ini.

Orang ramai perlu memahami peristiwa-peristiwa penting yang berlaku dalam negara ini semenjak dahulu lagi yang mana ada kaitannya dengan sejarah negara. Dalam erti kata lain, setiap satu peristiwa itu perlu dilihat tentang punca kejadiannya, kesannya kepada sebuah masyarakat dan Negara serta kepentingannya kepada sesebuah Negara tersebut sehingga menyebabkan perkara berkenaan perlu diberikan perhatian oleh semua pihak. Masyarakat perlu memahaminya kenapa sesuatu peristiwa itu perlu diwarisi turun temurun.

Dalam Konvensyen mengenai Perlindungan Warisan Kebudayaan dan Semulajadi Dunia 1972 (juga dikenali sebagai Konvensyen Warisan Dunia) yang digubal oleh Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan (UNESCO) di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu membahagikan warisan kepada warisan kebudayaan dan warisan semulajadi dan memperincikan warisan kebudayaan kepada warisan ketara dan warisan tidak

ketara. Dalam hal ini, warisan kebudayaan ketara atau yang boleh alih seperti lukisan, ukiran dan manuskrip, serta warisan kebudayaan tidak boleh alih seperti monumen dan tapak arkeologi. Ini termasuk warisan kebudayaan di bawah air seperti bangkai kapal dan runtuhannya bawah air, sementara warisan kebudayaan tidak ketara merujuk kepada tradisi lisan, seni persembahan dan ritual. Warisan semulajadi pula telah ditentukan oleh UNESCO sebagai tapak semulajadi yang unik dari segi fizikal, biologi atau formasi geologi.

Manakala “warisan semulajadi” termasuklah ciri-ciri semulajadi kawasan di Malaysia yang terdiri daripada pembentukan tanah secara fizikal atau biologi yang unik, ciri geologi atau fisiografi, gunung, sungai, anak sungai, pembentukan batu, pesisir laut atau mana-mana tapak semula jadi yang mempunyai nilai yang menonjol dari pandangan semula jadi, sains, pemuliharaan sejarah atau keindahan semula jadi termasuk flora dan fauna Malaysia;

SYARAT SEBUAH TAPAK WARISAN

Pertimbangan yang digunakan bagi melayakkan sesuatu kawasan itu disyiharkan sebagai tapak warisan adalah seperti mana yang disebut dalam s 67(2) Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645). Ini berasaskan kepada panduan yang digariskan seperti yang berikut:

s.67(2) Dalam membuat pengisytiharan di bawah subseksyen (1) Menteri boleh menimbangkan—

- (a) **kepentingan sejarah**, hubungan dengan atau perhubungan dengan sejarah Malaysia;
- (b) **ciri-ciri reka bentuk atau estetik**;

(c) pembaharuan atau pencapaian saintifik atau teknikal;

(d) hubungan sosial atau kebudayaan;

(e) potensi untuk mendidik, menjelaskan atau menyediakan penyiasatan saintifik lanjut berhubung dengan warisan kebudayaan Malaysia;

(f) **kepentingan dalam mempamerkan kekayaan, kepelbagaian atau integrasi bentuk yang luar biasa**;

(g) jarang tidaknya atau keunikan warisan semula jadi, warisan budaya ketara atau tidak ketara atau warisan kebudayaan di bawah air;

(h) **gambaran bentuk suatu tapak** atau objek sebagai sebahagian daripada kelas atau jenis suatu tapak atau objek; dan

(i) apa-apa perkara lain yang berkaitan dengan penentuan warisan kebudayaan yang penting

Keupayaan FRIM untuk memenuhi keperluan antara perkara-perkara yang disebut dalam s 67(2) berkenaan telah melayakkan menjadi sebuah tapak warisan. Selain itu FRIM mengandungi koleksi biodiversiti yang unik serta merupakan pusat pengumpulan koleksi *Dipterocarpaceae* terbesar di dunia dan merupakan hutan tropika buatan manusia yang tertua dan terbesar di rantau ini.

FRIM dilihat mempunyai ciri-ciri berkenaan serta keunikannya yang tersendiri melayakkannya untuk mendapat pengiktirafan berkenaan. Ketika Rang Undang-undang Warisan Kebangsaan dibentangkan pada tahun 2005, terdapat tujuh warisan yang telah dicadangkan iaitu:

- (i) Warisan kebangsaan;
- (ii) Warisan kebudayaan;
- (iii) Warisan kebudayaan di bawah air;
- (iv) Warisan budaya ketara;
- (v) Warisan budaya tidak ketara;
- (vi) Warisan yang penting, dan
- (vii) Warisan semula jadi.

Berdasarkan kepada maklumat yang diterima, FRIM telah diwartakan sebagai sebuah Tapak Warisan Kebangsaan pada **23 Januari 2015** oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan menerusi Jabatan Warisan Negara (Warta P.U.(A)7 bertarikh 23 Januari 2015 melalui Perintah Warisan Kebangsaan (Perisytiharan Warisan Kebangsaan)(Tapak Warisan) [No.2] 2015. **Sebelum itu** FRIM telah diwartakan sebagai **Tapak Warisan Semula Jadi** pada **10 Februari 2009** di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005, melalui Warta P.U.(B) 148/2009. Ini bermakna, apa yang dimaksudkan ialah FRIM kini telah didaftar-masuk dalam **Daftar Warisan** dan disenaraikan dalam ‘Senarai Warisan Kebangsaan di bawah kategori ‘**tapak semula jadi**’, lantas mengangkat kedudukannya sebagai salah sebuah Tapak Warisan Semula Jadi di negara ini. Akta 645 telah memperuntukkan bahawa FRIM terletak di bawah kategori ‘Warisan Semula Jadi’.

FRIM DI BAWAH AKTA WARISAN KEBANGSAAN 2005 (AKTA 645)

Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) merupakan suatu Akta untuk menguatkuasakan peruntukan bagi pemuliharaan dan pemeliharaan Warisan Kebangsaan, warisan semulajadi, warisan kebudayaan ketara dan tidak ketara, warisan kebudayaan di bawah air dan harta karun serta perkara yang berkaitan. Akta 645 diluluskan Parlimen pada 7 Disember 2005 dan diperkenan oleh Yang di-Pertuan

Agong pada 31 Disember 2005. Akta ini berkuat kuasa pada 1 Mac 2006 dengan memansuhkan dua (2) Akta terdahulu, iaitu Akta Benda Purba 1976 dan Akta Harta Karun 1957.

Akta 645 mengandungi 17 bahagian yang terdiri daripada 126 seksyen berkaitan pemuliharaan dan pemeliharaan warisan turut memperuntukkan kuasa kepada Menteri untuk menggubal dasar berkaitan pemuliharaan dan pemeliharaan warisan, pelantikan Pesuruhjaya Warisan, Ahli Majlis dan Pegawai Penguatkuasa serta pelantikan pegawai bagi membantu Pesuruhjaya Warisan dan Ahli Majlis Warisan Kebangsaan menjalankan fungsi dan tanggungjawab seperti yang digariskan oleh Akta. Sehubungan itu, segala perkara berkaitan pemuliharaan dan pemeliharaan warisan adalah dibawah kuasa Akta 645. Sebarang ketidakpatuhan terhadap mana-mana peruntukan Akta 645 merupakan suatu kesalahan yang boleh dikenakan kompaun, denda atau dipenjarakan. Akta ini mempunyai ciri-ciri sebuah statut jenayah atau *penal statute* dan pelanggaran terhadap Akta adalah suatu kesalahan jenayah.

Paling ketara kini ialah FRIM merupakan sebuah tapak warisan dan kini terikat secara langsung dengan Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645). Akta 645 ini memperuntukkan undang-undang berkenaan dengan tapak warisan dan ia diluluskan bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pemuliharaan dan pemeliharaan Warisan Kebangsaan termasuklah warisan semula jadi, warisan kebudayaan ketara dan tidak ketara, warisan kebudayaan di bawah air, harta karun dan bagi perkara-perkara yang berkaitan.

FRIM SEBAGAI TAPAK WARISAN SEMULA JADI

Apa-apa perkara termasuk apa-apa perancangan pembangunan di FRIM setelah diisytiharkan sebagai tapak warisan

semulajadi di bawah Akta 645 perlu pada prinsipnya diuruskan selari dengan keperluan perundangan berkenaan. Kesan secara langsung adalah FRIM terikat dengan kawalan perundangan yang baharu dan terpakai terhadapnya. Pelanggaran peruntukan adalah suatu kesalahan, dan pihak FRIM kini perlu berurusan secara langsung dengan Jabatan Warisan Negara dalam hal-hal yang menyentuh perancangan pembangunan kawasan yang melibatkan tapak warisan.

FRIM TANGGUNG JAWAB SIAPA?

FRIM terletak di dalam Negeri Selangor, di bawah pengurusan dan pentadbiran Majlis Perbandaran Selayang. Tanah adalah dalam bidang kuasa Kerajaan Negeri. Nama pemunya tapak adalah Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan (MFRDB). Statusnya kekal sebagai sebuah institusi penyelidikan, FRIM adalah suatu perbadanan milik kerajaan Persekutuan. Kerajaan Negeri Selangor telah memperkenalkannya sebagai *FRIM Selangor Forest Park*. Dalam pada itu juga di peringkat Persekutuan terdapat sebuah Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) yang telah diluluskan, dan ada sebuah Kementerian yang bertanggung jawab terhadap pelaksanaan peruntukkan Akta berkenaan. Berdasarkan kepada Akta 645, FRIM telah diisytiharkan dan didaftarkan dalam Daftar Warisan sebagai sebuah tapak warisan dan dengan itu terletak di bawah pemantauan sebuah jabatan dalam Kementerian berkenaan. Suatu ketika dahulu FRIM terletak di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, tetapi kini di bawah **Kementerian Pelancongan, Seni dan Kebudayaan**

Tanggung jawab menjaga FRIM secara tidak langsung kini terletak di bawah **urusan Kementerian Pelancongan, Seni dan Kebudayaan di bawah jabatan baharu iaitu Jabatan Warisan Negara (JWN)** yang mana ia bertanggungjawab terhadap kawasan tapak warisan

kebangsaan termasuk FRIM sebagai tapak warisan semulajadi. Apa-apa perkara yang berlaku dalam FRIM yang menyentuh bidang kuasa Akta 645 perlu diperhatikan dengan teliti. Sebagai contohnya, setiap permohonan yang dirancang di Tapak Warisan dan/atau tapak Warisan Kebangsaan ini perlu mematuhi peruntukan **s 40, Akta Warisan Kebangsaan 2005** yang memperuntukkan perkara berkaitan dengan **permohonan mendapatkan kebenaran merancang bagi tapak warisan**. Menurut seksyen 40 ini

(1) Pesuruhjaya hendaklah menyelaraskan dan menasihati **pihak berkuasa perancang tempatan** sebelum apa-apa kebenaran merancang atau perintah pembangunan yang melibatkan tapak warisan diberikan.

(2) Jika pihak berkuasa perancang tempatan merujuk apa-apa permohonan oleh mana-mana orang bagi kebenaran merancang atau perintah pembangunan kepada Pesuruhjaya, permohonan itu hendaklah mengandungi—

(a) butir-butir yang mencukupi untuk **mengenal pasti monumen yang dimaksudkan** oleh permohonan itu, termasuk pelan susun aturnya, pelan bangunan terukur dan fotograf tiap-tiap sudutnya, termasuk bahagian luar dan

bahagian dalam monumen itu;

(b) apa-apa pelan dan lukisan yang lain sebagaimana yang diperlukan untuk memperihalkan kerja yang menjadi perkara permohonan itu;

(c) langkah-langkah yang telah diambil bagi **memastikan**

keselamatan tapak warisan dan tanah yang berdekatan; dan

(d) apa-apa butir yang lain sebagaimana yang dikehendaki oleh Pesuruhjaya.

(3) Bagi maksud perenggan 2(c), tanah yang berdekatan ertinya—

(a) mana-mana **tanah yang bersempadanan** dalam lingkungan dua ratus meter dari sempadan tanah yang dimaksudkan oleh permohonan di bawah seksyen ini;

(b) mana-mana **tanah yang terpisah dari tanah yang dimaksudkan** oleh permohonan yang dibuat di bawah seksyen ini oleh mana-mana **jalan, lorong, parit atau tanah rizab** yang **lebarnya tidak melebihi dua puluh meter** dan yang akan menjadi bersempadanan dengan tanah yang dimaksudkan oleh permohonan itu jika tanah itu tidak dipisahkan oleh jalan, lorong, parit atau tanah rizab itu; atau

(c) mana-mana **tanah yang terletak dalam lingkungan dua ratus meter dari sempadan** tanah yang dimaksudkan oleh permohonan di bawah seksyen ini.

(4) Pesuruhjaya hendaklah menasihati pihak berkuasa perancang tempatan supaya mengenakan syarat-syarat apabila memberikan kebenaran merancang atau perintah pembangunan yang melibatkan suatu tapak warisan yang boleh termasuk—

(a) menghendaki **pematuhan mana-mana garis panduan** dan tatacara pemuliharaan yang dikeluarkan oleh Menteri;

(b) menghendaki **pembayaran apa-apa kerosakan** yang disebabkan kepada mana-mana tapak warisan selepas kerja yang dibenarkan oleh kebenaran merancang atau perintah pembangunan itu selesai; atau

(c) menghendaki **perlindungan dan pengekalan mana-mana ciri** tertentu tapak warisan itu.

(5) Jika kebenaran merancang diberikan, Pesuruhjaya hendaklah berhubung, bekerjasama dan menyelaraskan dengan pihak berkuasa perancang tempatan

untuk **memantau dan mengawasi terma dan syarat yang dikenakan** yang berhubungan dengan pemuliharaan warisan dipatuhi.

(6) Mana-mana orang yang **melanggar mana-mana syarat** yang dikenakan di bawah subseksyen (4) **melakukan suatu kesalahan.**

Menurut s 40 ini juga, FRIM yang sekarang ini merupakan sebuah tapak warisan semulajadi perlu membuat permohonan kepada Jabatan Warisan Negara bagi mendapatkan kebenaran sekiranya sesuatu hendak dilakukan terhadap tapak berkenaan. Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Selangor, Pihak Berkuasa Tempatan atau Majlis Perbandaran Selayang dan atau pihak pengurusan FRIM perlu berurusan dengan Jabatan Warisan Negara sekiranya sesuatu hal perkara berkaitan pembangunan hendak dilakukan dikawasan berkenaan. Di bawah Akta 645 juga, Pesuruhjaya ada kuasa dalam membuat perkiraan tentang pembangunan di tapak warisan kebangsaan.

PERANAN JABATAN WARISAN NEGARA DI BAWAH AKTA 645

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia secara umumnya bertanggung jawab terhadap pelancongan, kebudayaan, arkib, muzium, warisan, kraftangan, seni visual, dan sebagainya. Di bawah Kementerian ini ada Jabatan Warisan Negara yang ditubuhkan pada 1 Mac 2006. Fungsi utama Jabatan Warisan Negara (2020) adalah:

- Menguatkuasakan peruntukan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005
- Memelihara dan memulihara warisan negara
- Mendaftarkan warisan negara ke dalam Daftar Warisan Kebangsaan
- Menjalankan penyelidikan dan pembangunan berkaitan warisan
- Mendokumentasi hasil kajian serta bahan-bahan rujukan berkaitan warisan dan menerbitkannya
- Merancang, melaksanakan dan menyelaraskan aktiviti berkaitan warisan
- Menyelaraskan pencalonan dan pengiktirafan warisan negara ke peringkat dunia
- Memantau Tapak Warisan Dunia di Malaysia

Jabatan ini juga bertanggungjawab untuk memulihara, memelihara, melindungi dan mempromosikan kekayaan khazanah warisan Malaysia dan salah satu Bahagian yang berkaitan dengan FRIM adalah Bahagian Daftar Warisan.

Bahagian Daftar Warisan ini penting dalam melaksanakan fungsi Pesuruhjaya menurut peruntukan dan keperluan Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645). Bahagian ini akan memutuskan atau membuat penetapan dan pendaftaran tapak, objek dan warisan kebudayaan di bawah air sebagai Warisan. Bahagian ini juga berperanan dalamewartakan apa-apa butiran warisan yang diisytiharkan oleh Menteri Pelancongan, Seni dan Kebudayaan sebagai Warisan Kebangsaan. Pendaftaran butiran tentang sesuatu warisan merupakan matlamat penting agar rekod warisan negara diwujudkan dan dilindungi undang-undang. Setelah butiran warisan diwartakan dan dicatatkan dalam Daftar Warisan Kebangsaan, Cawangan Penguatkuasaan bertanggung jawab

menjalankan kawalan dan pemantauan bagi memastikan tapak warisan senantiasa dalam keadaan baik dan selamat. Cawangan ini juga bertanggungjawab menjalankan penyiasatan untuk proses pendakwaan sekiranya berlaku apa-apa kesalahan bawah peruntukan Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645).

Dapat diperhatikan bahawa kesemua agensi yang dinyatakan di atas iaitu Kementerian, Jabatan Warisan Negara, Pihak Berkuasa Tempatan, Majlis Perbandaran dan FRIM mempunyai peranan dan tanggungjawab masing-masing dari sudut perundangannya. Sehubungan dengan itu semua agensi perlu mengetahui had dan batasan bidang kuasa masing-masing kerana pertindihan kuasa dan bidang kuasa mudah berlaku apabila berhadapan dengan penyelidikan dan pembangunan di FRIM. Sebagai contohnya jika keseluruhan kawasan FRIM adalah di bawah Jabatan Warisan Negara, adakah kesemua aktiviti FRIM sebagai sebuah institut penyelidikan terikat dengan Akta 645?

KESALAHAN-KESALAHAN BERKAITAN TAPAK WARISAN

FRIM kini telah didaftarkan sebagai tapak warisan semula jadi tertakluk di bawah Akta 645 dan mempunyai hak, tanggungjawab dan larangan tertentu termasuk perlindungan perundangan yang berkaitan. Sebagai contoh, s 112 Akta 645 memperuntukkan tentang perbuatan-perbuatan yang menjadi **kesalahan berkenaan dengan sesuatu tapak warisan**. Menurut s 112(1) Akta 645 tiada seorang pun boleh melakukan perkara-perkara berikut, tanpa kelulusan Pesuruhjaya secara bertulis—

(a) mengorek, membina, menggali, membangun, menanam pokok, menguari, mengairi, membakar kapur atau

mendeposit tanah atau sampah, di atas atau di tapak warisan atau kawasan pemuliharaan;

(b) meroboh, mengganggu, menghalang, mengubah suai, menanda, meruntuhkan atau mengalih mana-mana **monumen** di mana-mana tapak warisan;

(c) mendirikan apa-apa bangunan atau struktur bersebelahan dengan suatu **monumen** di dalam mana-mana tapak warisan;

(d) memusnahkan perhubungan antara suatu bangunan dengan alam sekitarnya yang tidak selaras dengan ciri-ciri kejiranan di mana-mana tapak warisan;

(e) membersihkan mana-mana kawasan atau mengganggu, memusnahkan atau mengalih mana-mana pokok, tumbuhan bawah, rumput, rumput atau tumbuh-tumbuhan di mana-mana tapak warisan; atau

(f) melakukan apa-apa aktiviti atau tindakan yang mungkin menyebabkan kerosakan kepada tanah yang bersempadanan dan tanah di sekitarnya yang telah didaftarkan sebagai suatu tapak warisan.

Kemungkinan besar terdapat beberapa perkara yang disebut di atas dilakukan sebelum Akta ini diluluskan sebagai tapak warisan FRIM. Apa-apa pembangunan terdahulu sebelum Akta 645

diluluskan tidak menjadi masalah. Kini sebarang pembangunan kawasan FRIM yang dikategorikan sebagai tapak warisan kebangsaan perlu mematuhi peruntukan Akta 645 dan boleh menjadi suatu kesalahan tanpa disedari oleh mana-mana pihak. Tatacara pengurusan sesuatu kawasan yang diiktiraf sebagai tapak warisan kini juga terpakai terhadap FRIM.

Seterusnya s 112(2) Akta 645 turut menyebut bahawa mana-mana orang yang, tanpa kuasa yang sah, melanggar s 112(1) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh apabila disabitkan dengan kesalahan berkenaan dipenjarakan selama tempoh yang tidak melebihi lima tahun atau didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau kedua-duanya. Pelanggaran terhadap Akta 645 adalah suatu kesalahan jenayah sama ada di bawah s 112(1) atau s 112(3). Ini kerana selain daripada apa yang disebut dalam s 112(1) di atas, Akta 645 turut memperuntukkan dalam s 112(3) bahawa mana-mana orang yang ada dalam milikan atau jagaannya atau di bawah kawalannya, apa-apa bahan yang berasal daripada tanah yang menjadi suatu warisan semula jadi atau warisan kebudayaan, hendaklah dianggap sebagai telah diekstrak, dialih atau diangkut atau dibenarkan pengekstrakan, pengalihan atau pengangkutan warisan semula jadi atau warisan kebudayaan itu tanpa kuasa yang sah. Perbuatan sedemikian itu adalah suatu kesalahan kepada sesiapa sahaja di bawah Akta ini.

Secara perundangan adalah jelas bahawa Pesuruhjaya mempunyai kuasa yang luas terhadap tapak warisan seperti dalam s112 yang secara umumnya memperuntukkan kesalahan-kesalahan terhadap kawasan yang diiktiraf sebagai Tapak Warisan Kebangsaan. Kuasa-kuasa Pesuruhjaya juga dapat dilihat, sebagai contoh, dalam s114(1) yang memperuntukkan bahawa 'tiada seseorang pun boleh, tanpa kelulusan bertulis Pesuruhjaya, memindahkan, merobohkan, mengalihkan, mengubah, mengubah elok,

mengeksploit, menambah kepada atau menguruskan mana-mana Warisan Kebangsaan kecuali dalam hal keperluan yang segera dan serta-merta bagi keselamatan orang atau harta'. Seterusnya s114(2) juga menyebutkan bahawa mana-mana orang yang melanggar s114(1) melakukan suatu kesalahan dan boleh apabila disabitkan dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau kedua-duanya.

Dapat disimpulkan di sini bahawa sekiranya keseluruhan hutan FRIM masih berada di dalam senarai Daftar Warisan dengan kedudukannya yang kekal sebagai Tapak Warisan Kebangsaan atau Tapak Warisan Semula Jadi maka FRIM kelihatan selamat dari segi ancaman pembangunan atau pencerobohan. Apa-apa yang berkaitan dengan FRIM perlu berhadapan dengan Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) kerana FRIM terikat dengan perlindungan di bawah Akta berkenaan. Dalam pada itu juga terdapat Akta-akta lain yang turut mengikat FRIM dari segi pengurusan, pentadbiran dan pembangunannya seperti Akta Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia 2016 (Akta 782) dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).

ISU DAN PEMASALAHAN

Apakah yang menjadi kebanggaan FRIM sekarang ini? Adakah semua kebanggaan itu merupakan perkara yang diiktiraf sebagai 'tapak warisan'? Apakah 'benda-benda' atau perkara yang dikatakan mempunyai nilai warisan kebangsaan yang terdapat di FRIM? Adakah hutan buatannya, jenis tumbuhannya, kawasan rekreasinya, status FRIM sebagai sebuah pusat penyelidikan atau semua di atas?

Jika dilihat kepada nilai keunggulan sejagat atau Outstanding Universal Value (OUV) FRIM Selangor Forest Park, ia merujuk kepada nilai hutan dan

penyelidikan perhutanan di FRIM itu sahaja (Rasyikah et al., 2018) seperti yang dinyatakan:

- A superb example of human ingenuity in recreating a palaeotropical rain forest on degraded land;
- The world's oldest and largest re-created palaeotropical rain forest;
- A rich refuge of biodiversity comparable to a natural forest of equivalent size;
- A world-leading tropical rain forest research institute.

Tumpuan utama adalah kepada *palaeotropical rain forest* dan *the world's oldest and largest re-created palaeotropical rain forest* dan diikuti dengan *a world-leading tropical rain forest research institute*. sebaliknya bukan aktiviti-aktiviti sampingan seperti perkemahan, perkelahan, berbasikal atau lain-lainnya. Jika *palaeotropical rain forest* di FRIM yang menjadi kebanggaan sehingga meletakkannya sebagai suatu tapak warisan, maka penjagaan hutan itu menjadi keutamaan. Hutan dan seluruh kawasan hutan FRIM adalah warisan. Sebarang perbuatan kacau ganggu terhadap persekitaran hutan itu adalah suatu kesalahan di bawah undang-undang. Apa-apa keadaan yang boleh mengganggu gugat kedudukan hutan itu sebagai tapak wasan akan memberi kesan kepada FRIM.

Bagaimana pula dengan struktur fizikal buatan manusia yang tidak ada kena mengena dengan hutan berkenaan seperti bangunan yang sedia ada, bangunan yang sedang dalam pembinaan dan perancangan-perancangan pembangunan masa depan FRIM? Sejauhmanakah pembangunan boleh dilakukan terhadap kawasan tapak warisan kebangsaan? Apakah jenis pembangunan yang dimaksudkan atau pembangunan yang macam mana yang dibenarkan untuk dilakukan dalam kawasan tapak warisan? FRIM perlu melakukan

sesuatu dalam usaha menjaga 'tapak warisan' berkenaan sesuai dengan kehendak Akta Warisan Kebangsaan 2005 dan dalam masa yang sama perlu memberi keseimbangan kepada perkembangan FRIM melalui Akta Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia 2016 (Akta 782).

PERTINDIHAN KUASA
PESURUHJAYA WARISAN V. KETUA
PENGARAH INSTITUT;
PERTINDIHAN DALAM
PENGUATKUASAAN
PERUNDANGAN.

i. Pertindihan Statut

Perkara yang menjadi perbincangan kini ialah FRIM sebagai sebuah institut adalah milik kerajaan Persekutuan berdasarkan kepada Akta Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia 2016 (Akta 782), manakala perletakkan atau kedudukan FRIM adalah dalam Negeri Selangor, bidang kuasa pentadbiran di bawah Majlis Perbandaran Selayang dan kedudukannya sebagai sebuah tapak warisan adalah di bawah kuasa Persekutuan melalui Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645). Tapak Warisan Kebangsaan diletakkan di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Kebudayaan dan diuruskan oleh Jabatan Warisan Negara.

ii. Pertindihan kuasa Pesuruhjaya Warisan v. Ketua Pengarah Institut

Akta Warisan Kebangsaan Negara 2005 memberi kuasa kepada Pesuruhjaya dan dalam masa yang sama juga Akta Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia 2016 turut memberi kuasa kepada Ketua Pengarah. Masing masing mempunyai kuasa dan peranan di bawah statut masing-masing. Dalam hal ini kedua-dua pihak perlu ada hubungan yang rapat antara satu sama lain dalam hal yang melibatkan FRIM. Kuasa dan peranan kedua-dua pihak iaitu Pesuruhjaya Warisan dan kuasa Pengarah Institut sama-sama luas dan boleh

menimbulkan pertindihan. Sebagai contoh, Ketua Pengarah Institut mempunyai kuasa memasuki atau membuat kontrak di bawah seksyen 5 dan Pesuruhjaya juga di bawah seksyen 7 mempunyai kuasa untuk membuat kontrak dan juga untuk memperoleh, membeli, mengambil, memegang dan menikmati tiap-tiap jenis harta alih dan harta tak alih.

Manakala fungsi Pesuruhjaya antaranya termasuklah untuk menasihati dan menyelaraskan dengan pihak berkuasa perancang tempatan, Majlis dan badan dan entiti lain di semua peringkat bagi maksud melindungi, menggalakkan dan berurusan dengan apa-apa warisan. Ketua Pengarah Institut juga mempunyai fungsinya di bawah seksyen 4 tetapi ia dilihat seolah-olah perlu mendapat nasihat daripada Pesuruhjaya terlebih dahulu jika sesuatu usaha hendak dilakukan dalam FRIM.

iii. Pertindihan Penguatkuasaan Perundangan

Terdapat kesalahan-kesalahan tertentu yang diperuntukkan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 dan juga kod etika pengunjung serta pelawat yang disediakan oleh FRIM. Peruntukan ini perlu dikuatkuasakan bagi tujuan kepentingan perlindungan terhadap FRIM sebagai tapak warisan.

Persoalan siapakah yang akan melakukan kerja-kerja penguatkuasaan terhadap undang-undang berkaitan dengan FRIM bukan sahaja sebagai pusat penyelidikan tetapi juga sebagai sebuah tapak warisan kebangsaan atau kawasan rekreasi? Dalam pada itu juga terdapat undang-undang kecil Majlis Perbandaran Selayang yang terpakai di FRIM. Adakah penguatkuasaan akan dilakukan oleh FRIM atau Majlis Perbandaran Selayang atau Jabatan Warisan Negara? Berapa ramaiakah bilangan kakitangan penguatkuasaan atau pegawai keselamatan yang diperlukan dan dari manakah datangnya peruntukan

kewangan berkaitan dengan kawalan keselamatan?

KESIMPULAN

Semasa perbahasan Rang Undang-Undang Warisan Kebangsaan 2005, kepentingan mewujudkan atau mengaitkan sesuatu itu dengan warisan disebut oleh Menteri sebagai:

Dari artifak sejarah sampailah kepada alam semula jadi seperti gunung-ganang, sungai, masjid, candi, bangunan, monumen, pekan yang indah, makam, pantai yang indah, kuil, semuanya boleh belaka dianggap sebagai bahan warisan fizikal yang memerlukan perlindungan pemuliharaan dan promosi supaya ia mampu diwarisi untuk kehidupan bertamadun zaman akan datang.

Apabila sesuatu kawasan itu diiktiraf atau diisytiharkan sebagai warisan maka adalah perlindungan yang disediakan. Begitu jugalah dengan FRIM yang diberikan perlindungan tertentu oleh Akta berkenaan. FRIM kini sebagai sebuah tapak warisan kebangsaan terikat dengan Akta Warisan Kebangsaan 2005. Setiap kejadian, perkara atau aktiviti yang berlaku di tapak tersebut adalah tertakluk di bawah undang-undang yang sedia ada. Kewujudan FRIM ada kaitan dengan pengiktirafannya sebagai tapak warisan dan ia adalah kerana OUV yang terdapat FRIM itu sendiri. Aset OUV hendaklah dilindungi dan memerlukan kawal selia yang ketat. Faktor-faktor yang menjadikannya sebagai sebuah tapak warisan perlu kekal dan terjaga dengan baik sepanjang masa. Ini penting bagi membolehkan status berkenaan kekal berterusan. Kegagalan untuk mengekalkan ciri-ciri kesejagatannya

atau OUV yang ada pada sesebuah tapak itu boleh menyebabkan status itu ditarik balik. Bagi mengelakkan kehilangan status ini terjadi semua factor sebagai sebuah tapak warisan perlu dijaga dan dipastikan ianya tidak terusik. Ini memerlukan kerjasama yang baik antara FRIM, Jabatan Warisan Negara, Kerajaan Negeri Selangor dan pengunjung serta pelawat sekiranya FRIM mahu mengekalkan statusnya untuk tempoh masa yang lama dan berkekalan.

RUJUKAN

- Noor Syahida Shahidan & Rasyikah Md Khalid. 2018. Perlindungan Undang-Undang Terhadap FRIM Sebagai Kawasan Tadahan Hujan Yang Penting Bagi Lembangan Sungai Buloh. 1 CLJ Legal Network Series (A) cxxxiii.
- Parlimen Malaysia. 2005. Penyata Rasmi Parlimen, Dewan Rakyat, Parlimen Kesebelas, Penggal Kedua, Mesyuarat Ketiga, hal 50-95.
- Rasyikah Md. Khalid, Hanim Kamaruddin, Adzidah Yaakob, Izawati Wook, Siti Sarah Sulaiman & Maizatun Mustafa. 2018. Outstanding Universal Values of the Malaysia Forests. International Journal of Asian Social Science. Vol. 8, No. 7, 427-433.
- Rasyikah Md Khalid
Fakulti Undang-Undang
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
Bangi, Selangor
Email: rasyikah@ukm.edu.my
- Shamsuddin Suhor
Fakulti Undang-Undang
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
Bangi, Selangor
Email: sudin@ukm.edu.my